

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Ericsson dipilih berbanding dengan Huawei Technologies untuk mereka dan membina jaringan telekomunikasi 5G.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Kerajaan tidak terlibat dalam proses pemberian kontrak 5G bernilai RM11 bilion.** Sebagai sebuah entiti undang-undang yang berasingan, proses tender rangkaian 5G telah dilaksanakan di peringkat syarikat. Dalam hal ini, Digital Nasional Berhad (DNB) telah mengambil langkah untuk melaksanakan amalan tadbir urus perolehan terbaik dan menjamin ketelusan dalam penilaian, cadangan serta proses keseluruhan tender.

2. Proses Tender 5G telah bermula pada April tahun ini dengan **empat belas (14) buah syarikat pembekal perkakasan rangkaian (“Network Equipment Provider” atau NEP) global telah dikenalpasti** melalui tinjauan pasaran. Daripada senarai tersebut, **lapan (8) buah NEP telah dijemput untuk mengemukakan Pelawaan Tunjuk Minat (“Expression of Interest” atau EOI)** berdasarkan dua (2) kriteria, iaitu:

- a) Pengalaman melaksanakan rangkaian 5G yang telah terbukti; dan
- b) *Local presence* dengan izin atau mempunyai operasi di Malaysia.

3. Daripada lapan (8) buah NEP yang dijemput untuk mengambil bahagian dalam Pelawaan Tawaran (“Request for Proposal” atau RFP), **hanya empat (4) buah NEP yang telah mengemukakan tawaran.**

4. **Proses penilaian tender** telah dilaksanakan pada Mei dan Jun 2021 berdasarkan nasihat daripada firma perunding antarabangsa Ernst & Young Consulting Sdn Bhd melibatkan lebih daripada 50 para profesional industri dan pakar bebas daripada lebih 10 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. **Tiga kriteria** iaitu **teknikal (55%), komersial (30%) dan sosio-ekonomi (15%)** telah ditetapkan untuk menentukan pembida yang berjaya. **Ericsson telah mendapat penilaian tertinggi bagi ketiga-tiga kriteria tersebut.**

6. Dari segi **teknikal**, Ericsson telah mencadangkan rangkaian yang kalis masa depan ("*future-proof*") dan mampan, dengan fungsi-fungsi siber keselamatan yang jitu untuk memenuhi objektif DNB mencapai liputan 80% kawasan berpenduduk pada tahun 2024.

7. Dari segi **komersial**, Ericsson telah menawarkan harga paling kompetitif manakala dari segi **sosio-ekonomi**, Ericsson telah memberi komitmen kepada program pembangunan sosio-ekonomi paling berimpak, termasuk penggunaan vendor tempatan dan Bumiputera.

8. Perancangan, pembinaan dan penyelenggaraan rangkaian 5G nasional dengan penglibatan Ericsson sebagai NEP dianggarkan **melibatkan kos sebanyak RM11 bilion**. Jumlah ini adalah kira-kira **RM700 juta lebih rendah berbanding jumlah kos pembida terhampir selepas Ericsson**. Walau bagaimanapun, **harga perbandingan kesemua pembida tidak boleh dinyatakan secara terus atas obligasi kerahsiaan yang telah ditetapkan dalam tender yang telah dijalankan**.

9. Daripada RM11 bilion kos rangkaian 5G, sebanyak **RM4 bilion melibatkan kos perkakasan rangkaian, perkhidmatan pelaksanaan, serta penyelenggaraan berterusan dan pengurusan rangkaian oleh Ericsson yang merupakan kos terendah dalam kalangan pembida**. Sementara itu, baki sebanyak kira-kira **RM7 bilion pula adalah berkaitan dengan kos infrastruktur rangkaian daripada pihak-pihak yang lain seperti kos menara telekomunikasi, gentian telekomunikasi, kuasa elektrik serta lain-lain kos bagi tempoh sepanjang 10 tahun**.

Sekian, terima kasih.